

30 MAR 1997

Abdullah-Singapura

MALAYSIA SAMBUT BAIK HASRAT PM SINGAPURA UNTUK BAIKI HUBUNGAN

BUTTERWORTH, 30 Mac (Bernama) -- Malaysia menyambut baik hasrat Singapura untuk memainkan peranan bagi memulihkan perhubungan kedua-dua negara agar ia rancak semula seperti sediakala, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata kenyataan Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Tong bahawa Singapura akan berusaha memulih serta meningkatkan kerjasama dengan Malaysia amat diharapkan dan menyifatkan tindakan itu sesuatu yang positif.

"Baguslah kalau Goh mahu bertindak memperbaiki perhubungan ini dan kita memang mengharapkan begitu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perpustakaan Desa di Permatang Kuang, dekat sini.

Beliau berkata Malaysia sentiasa berharap hubungan itu akan pulih kembali walaupun ia mungkin mengambil masa berikutan perasaan sedih dan kecil hati rakyat negara ini terhadap kenyataan Menteri Kanan republik itu, Lee Kuan Yew mengenai Johor.

Abdullah berkata beliau tidak mempunyai perancangan khusus untuk mengadakan sebarang perbincangan dua hala dengan Menteri Luar Singapura ketika menghadiri persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di New Delhi tidak lama lagi.

Katanya, beliau juga tidak diberitahu sama ada menteri berkenaan akan menemuinya untuk mengadakan perbincangan mengenai hubungan kedua-dua negara.

"Persidangan itu sudah pasti dihadiri ramai rakan sejawatan saya dari negara-negara Islam (OIC) dan ASEAN dan sekiranya ada keperluan mengadakan perbincangan dengan mereka mengenai sebarang perkara, kita bincanglah," katanya.

Terdahulu itu, ketika berucap, Abdullah berkata amat penting bagi rakyat menguasai teknologi maklumat untuk memastikan Malaysia mencapai hasratnya menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Katanya, tanpa maklumat, segala perancangan, keputusan dan tindakan yang bakal diambil mengenai sesuatu perkara tidak menjadi kemas, tepat dan teratur.

Sebagai contoh, katanya, sebuah syarikat di Jepun membangunkan satu sistem mengumpul maklumat yang begitu mengagumkan dan syarikat itu mempunyai semua maklumat yang diperlukan dari serata tempat di dunia yang boleh membantu urusan pengendalian syarikat mereka.

Katanya beliau dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melawat Jepun baru-baru ini, turut berpeluang melihat sistem maklumat mengenai lalulintas di Osaka yang boleh diperolehi dengan begitu cepat dan terperinci melalui komputer.

Katanya, sistem seumpama ini mungkin boleh membantu Malaysia menangani masalah kesesakan lalulintas terutama di ibu negara yang kian meruncing.

Ketika merasmikan Seminar Pembentukan Akhlak Remaja anjuran Umno Bahagian Kepala Batas di Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC) di sini, Abdullah, yang juga Anggota Parlimen Kepala Batas, berkata perkara utama yang perlu dilakukan bagi menangani masalah sosial di kalangan masyarakat ialah mengukuhkan ikatan kekeluargaan.

"Setiap ibu bapa bertanggungjawab membentuk keluarga yang baik serta menunjukkan contoh teladan serta menerapkan nilai-nilai murni kepada anak-anak seperti berdisiplin, tekun, ikhlas dan beribadat," katanya.

Katanya, Al-Quran juga menggariskan mengenai pembentukan insan yang baik dengan mengutamakan sifat amanah, menjaga kehormatan diri, bercakap

mengenai perkara yang tidak menimbulkan perbalahan serta fitnah dan mengerjakan ibadat dengan khusyuk.

"Jika semua ini dipatuhi akan terhindarlah masyarakat daripada sebarang masalah sosial seperti bohsia, rasuah dan sebagainya dan masyarakat serta negara akan hidup lebih aman," katanya.

-- BERNAMA

ZU AHH